



KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

Jabatan Pendidikan Negeri Perlis
Jalan Tun Abdul Razak,
01990 Kangar
Perlis

Tel. : 04 - 9737 777
Faks : 04 - 9767 080
JPN Cawangan : 04-9767410
Laman Web : www.jpnperlis.gov.my
E-mel : jpnperlis@moe.gov.my

Ruj. Kami : JPNPs.SPMu.UHEM 800-5/6/5 (44)

Tarikh : 21 Mac 2022

Ketua Pegawai Eksekutif,
MEI12PAY DIGITAL SDN. BHD.,
2-19-01 Worldwide@7, Jalan Lazuardi,
Section 7,
40000 Shah Alam,
Selangor.

Tuan,

PERMOHONAN MELAKSANAKAN PROGRAM "GO DIGITAL SCHOOLS" DAN SISTEM EKO LENGKAP PEMBAYARAN TANPA TUNAI (CASHLESS PAYMENT) DI NEGERI PERLIS TANPA SEBARANG KOS TAMBAHAN KEPADA PIHAK SEKOLAH

Dengan segala hormatnya saya merujuk mengenai perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Jabatan Pendidikan Negeri Perlis tiada halangan kepada pihak Syarikat MEI12PAY Digital Sdn. Bhd. untuk melaksanakan Program "Go Digital Schools" dan Sistem Eko lengkap pembayaran tanpa tunai (cashless payment) di negeri Perlis tanpa sebarang kos tambahan kepada pihak sekolah.
3. Pihak YBhbg. Dato' hendaklah mengadakan perbincangan dengan pengetua dan guru besar yang terlibat untuk mendapatkan pandangan dan kaedah terbaik bagi tujuan di atas.
4. Kelulusan ini adalah tertakluk kepada Surat Pekeliling Ikhtisas Bil.5/2018: Garis Panduan Perwakilan Kuasa Ketua Pendaftar Institusi Pendidikan dan Guru kepada Pendaftar bagi Kelulusan Permohonan oleh Pihak Luar Menjalankan Aktiviti Melibatkan Murid, Guru dan Institusi Pendidikan Kementerian Pendidikan Malaysia disamping mematuhi syarat-syarat berikut;
 - 4.1. Mendapat Kebenaran dari pada guru besar sekolah-sekolah yang terlibat;
 - 4.2. Surat kebenaran/kelulusan ini tidak diguna pakai bagi maksud untuk mendapatkan sumbangan dan tajaan daripada mana-mana pihak berkenaan;
 - 4.3. Pihak sekolah tidak boleh dipaksa untuk menerima program yang ditawarkan oleh pihak Ybhg. Tan Sri Datuk Seri;
 - 4.4. Pihak penganjur dimohon agar mengemukakan satu salinan laporan program dalam tempoh 30 hari selepas pelaksanaan program tersebut;

#09Educators

GROW TEACHERS, NURTURE STUDENTS,
TEACHERS TEACH, STUDENTS LEARN,
BETTER PEOPLE FOR BETTER PERLIS

- 4.5. Sekiranya laporan program diterbitkan atau disiarkan dalam mana-mana platform media, bahan tersebut perlu mendapat persetujuan terlebih dahulu dari pada Kementerian Pendidikan Malaysia dan Jabatan Pendidikan Negeri Perlis.
JPNPs.SPMu.UHEM 800-5/6/5 (22)
- 4.6. Tiada implikasi kewangan kepada KPM, JPN, sekolah, pegawai/guru dan murid yang terlibat;
- 4.7. Berdasarkan situasi penularan Coronavirus Disease 2019(COVID-19) serta tempoh pelanjutan Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan(PKPPP) , penjarakan fizikal merupakan salah satu prosedur yang perlu dipatuhi dalam norma kehidupan baharu semasa PKPP. Keadaan ini menyebabkan banyak program yang melibatkan pihak sekolah khususnya guru dan murid tidak dapat dilaksanakan seperti kebiasaan. Pihak Ybhg. Dato' perlu mematuhi segala garis panduan PKPP yang ditetapkan oleh KPM, Majlis Keselamatan Negara (MKN) dan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) sepanjang program dijalankan, dan
- 4.8. Pihak Jabatan Pendidikan Negeri berhak menarik balik surat kelulusan/kebenaran sekiranya pihak penganjur gagal mematuhi syarat dan peraturan yang ditetapkan atau bercanggah dengan dasar sedia ada yang sedang berkuat kuasa serta tidak mematuhi garis panduan KPM, MKN dan KKM.
5. Kelulusan ini (Mendapat Kebenaran Rasmi Bagi Program "Go Digital Schools" dan Sistem Eko lengkap pembayaran tanpa tunai (cashless payment) di negeri Perlis tanpa sebarang kos tambahan hanya untuk tujuan yang dimohon sahaja dan akan luput selepas 31 Disember 2022. Sebarang pertanyaan berhubung perkara ini boleh diajukan kepada En. Mohd Yazam bin Mohd Said di talian 04-9737723 atau myazam.msaid@moe.gov.my. Segala perhatian dan Kerjasama pihak Ybhg. Tan Sri Datuk Seri berhubung perkara ini amat dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

"WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030"
"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,


(CHE RASAIBI BIN CHE YOB)
Timbalan Pengarah Pendidikan (Pembangunan Murid)
b.p. Pengarah Pendidikan Perlis

YZM/..